

Surat khabar: Berita Harian (Nasional)

Hari/Tarikh: 22/5/2013

Muka surat: 15

Tajuk : Konsert Dakwah Di UNIMAS.

KESENIAN ISLAM

Konsert dakwah di UNIMAS

Kesenian Islam mempunyai penghayatan yang luas maknanya. Setiap masyarakat perlu memainkan peranan dalam menghayati kesenian Islam kerana boleh memperkuatkan tauhid dalam kalangan ummah.

Namun, bagaimanakah sebuah lukisan, bangunan atau persembahan muzik dapat memperkukuhkan kebenaran agama?

Seni Islam memperlihatkan struktur yang khusus yang diulang-ulang dalam semua media seperti di dalam seni tampak, seni muzik, kesusasteraan dan seni bina. Dengan itu, kekuasaan Allah yang tidak terbatas ditegaskan semula dalam corak yang boleh dilihat dan didengar.

Dynamite of Islamic Art Night adalah satu langkah bijak yang diambil oleh pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) untuk berdakwah. Konsert itu dianjurkan Dewan Amal Islami Unimas (DAMAI) pada Minggu Penghayatan Islam, baru-baru ini.

Langkah itu perlu diperluaskan di pelbagai universiti lain bagi memastikan kesenian Islam sentiasa subur.

Nor Hidayati Alwi
UNIMAS